

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
SAMBUTAN HARI MEMPERINGATI AIDS SEDUNIA 2017
"PERPADUAN KE ARAH SIFAR HIV"
PADA HARI SABTU, 20 MEI 2017; PUKUL 10.45 PAGI
DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berhormat Dato' Norol Azali Sulaiman,
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia
dan Tugas-Tugas Khas Negeri Pahang;

Yang Hormat Dato' Haji Mohamad Noor Abdul Rani,
Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang;

Yang Berbahagia Dr. Shaari bin Ngadiman,
Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Yang Berbahagia Encik Bukhari Md Akhir.

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Bahagian Pembangunan Keluarga Sosial dan Komuniti

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);

Tuan-tuan dan puan-puan,

Warga kerja dan mahasiswa;

Para hadirin hadirat yang dikasihi.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu pagi ini sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2017 yang bertemakan "Perpaduan Ke Arah Sifar HIV".

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga kerja Universiti ini, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan tetamu kehormat kita, Yang Berhormat Dato' Norol Azali Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-Tugas Khas Negeri Pahang ke UMP Kampus Gambang bagi menyempurnakan majlis perasmian acara ini.

3. Pihak pengurusan Universiti ini sesungguhnya amat berbesar hati atas pemilihan UMP Kampus Gambang sebagai tuan rumah Sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2017. Justeru, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada jabatan, agensi dan organisasi yang terlibat dalam penganjuran sambutan ini iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Pahang, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Majlis AIDS Malaysia dan Pertubuhan Positive Warriors Malaysia dengan kerjasama Perwakilan Kolej Kediaman 2 UMP.

4. Sebagai sebuah Universiti Awam, UMP juga merupakan sebuah institusi pengupayaan sosial yang sentiasa proaktif berperanan dalam aspek pembangunan masyarakat dalam pelbagai lapangan melalui pelbagai inisiatif.

5. Justeru, penglibatan Universiti ini dalam Sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2017 merupakan sebahagian daripada sumbangan konstruktifnya dalam inisiatif advokasi sosial yang mengisi agenda Universiti Komuniti yang sedang digerakkan di UMP.
6. Dalam konteks tersebut, UMP sentiasa mengalu-alukan sebarang inisiatif kerjasama yang berkaitan daripada mana-mana kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta dan badan korporat serta pertubuhan-pertubuhan awam dan sukarela bagi menganjurkan projek atau aktiviti yang memberi nilai tambah kepada masyarakat umum sama ada bagi jangka masa pendek atau panjang.
7. Dengan kepakaran teknikal yang dimiliki UMP sebagai sebuah Universiti Awam yang berteraskan kejuruteraan dan teknologi, saya percaya bahawa Universiti ini mampu untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada inisiatif kerjasama tersebut, sesuai dengan *tagline* “Memasyarakatkan Teknologi” yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

SAMBUTAN HARI MEMPERINGATI AIDS SEDUNIA

8. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Saban tahun, sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia diadakan pada minggu ketiga bulan Mei sebagai satu inisiatif advokasi kepada masyarakat mengenai penderitaan penghidap penyakit ini dan pembawa virus HIV di seluruh dunia yang masih hidup atau yang telah meninggalkan kita.

9. Sehingga hari ini, istilah AIDS itu sendiri menjadi satu stigma yang amat digeruni kerana implikasi buruk penyakit ini kepada kesihatan individu. Walaubagaimanapun, masyarakat juga perlu diberi kesedaran mengenai kaedah pencegahan penyakit ini secara input keagamaan dan juga pengetahuan klinikal sepertimana yang dilaksanakan melalui sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia ini.

10. Statistik dan data berkenaan penyakit AIDS ini sendiri cukup membimbangkan kita. Menurut laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2015, bilangan penghidap HIV dan AIDS di seluruh dunia adalah berjumlah 36.7 juta orang dengan 1.1 juta kematian dicatatkan bagi penyakit berkaitan AIDS.

11. Menurut statistik WHO juga, sejak penyakit ini mula dikesan pada tahun 1981, seramai 70 juta orang di seluruh dunia telah dijangkiti virus HIV dan jumlah kematian yang dicatatkan ialah 35 juta orang. Secara umumnya, adalah dianggarkan bahawa 0.8% daripada individu yang berusia antara 15 hingga 49 tahun di seluruh dunia menghidap HIV.
12. Hal ini tentu sekali memerlukan inisiatif intervensi dan aktiviti advokasi yang berkesan daripada pelbagai peringkat memandangkan tempoh antara 15 hingga 49 tahun adalah julat usia yang paling aktif bagi seseorang individu.
13. Dalam tempoh julat usia inilah seseorang individu sepatutnya menempuh proses pembelajaran, pekerjaan dan pembinaan keluarga dan tentu sekali mudarat daripada jangkitan HIV dan AIDS akan merencatkan proses tersebut dengan impak serius bukan sahaja kepada kesihatan fizikal, tetapi juga dari segi psikologi dan sosioekonomi.

14. Oleh yang demikian, inisiatif intervensi dan aktiviti advokasi yang dinyatakan tadi sewajarnya dijalankan secara holistik dan komprehensif secara inklusif dengan turut mensasarkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan anggota masyarakat untuk mencegah penyakit ini selain membantu mereka yang menderita akibat jangkitan HIV dan AIDS.

15. Dalam hal ini, kita di Malaysia amat bertuah kerana memiliki fasiliti dan infrastruktur kesihatan yang berkualiti sama ada yang disediakan oleh pihak kerajaan atau swasta yang membolehkan rawatan dan pemantauan berkaitan dijalankan bagi membantu penghidap HIV dan AIDS.

16. Malah, pelbagai pertubuhan awam dan sosial serta institusi-institusi pendidikan tinggi sentiasa aktif membantu kerajaan dalam pelbagai kegiatan amal bagi membantu memulihkan motivasi para penghidap HIV dan AIDS.

17. Perkembangan ini tentu sekali berkait rapat dengan aras pendidikan dan tahap ekonomi Malaysia yang lebih baik berbanding negara-negara teruk menghadapi ancaman HIV dan AIDS, terutamanya di benua Afrika. Dalam konteks ini, WHO turut melaporkan bahawa negara-negara di rantau Sub-Sahara Afrika mengalami ancaman HIV dan AIDS paling serius di mana 70% daripada keseluruhan kes HIV dan AIDS dunia datangnya dari kawasan ini.

PERPADUAN KE ARAH SIFAR HIV

18. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Tema "Perpaduan Ke Arah Sifar HIV" yang mendasari sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2017 ini turut mengingatkan kita mengenai keperluan sinergi yang berterusan dalam kalangan pelbagai pihak bagi menangani ancaman HIV dalam masyarakat.

19. Dalam hubungan tersebut, UMP amat mengalu-alukan program pada hari ini yang diterajui oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang untuk membantu kerajaan memberi maklumat dan pendedahan solusi Islam berhubung ancaman HIV AIDS kepada masyarakat, terutamanya kepada golongan mahasiswa.

20. Justeru, saya dan pihak pengurusan amat sukacita dengan pendekatan kreatif yang digunakan oleh pihak penganjur bagi menarik minat para mahasiswa dan generasi muda untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang mengisi Hari Memperingati AIDS Sedunia 2017 ini.

21. Ini termasuklah program " *Walk 10,000 Step to End HIV*, pada awal pagi tadi, persembahan teater bertajuk petang " *I'M P+*" pada petang ini dan majlis bacaan Surah Yasin dan Tahlil selepas solat Maghrib pada malam nanti.

22. Saya percaya bahawa hasil dan dapatan utama yang dihasratkan daripada aktiviti-aktiviti pengisian tersebut ialah maklumat yang tepat, kesedaran mendalam dan pendidikan kesihatan mengenai HIV dan AIDS dalam kalangan kumpulan sasaran, khususnya para mahasiswa dan generasi muda untuk mengelakkan diri daripada aktiviti-aktiviti yang merisikokan mereka kepada jangkitan HIV.

KATA PENUTUP

23. Yang Berhormat Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan penghargaan kepada pihak penganjur dan semua rakan sinergi atas komitmen dan dedikasi mereka dalam menjayakan sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2017 di UMP Kampus Gambang ini.

24. Saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan kita semua terus dilimpahkan rahmat peliharaan daripada-Nya dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kesihatan, kemakmuran dan kecemerlangan, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.